

SELASA

25 06

2019

 Membimbing
 Ke Arah
 Kemahiran
 Berfikir Aras
 Tinggi

(KBAT)

 5 **BAHASA MELAYU**
 Kesalahan Dalam Frasa
 Nama Jamak

 9 **SAINS**
 Cuaca Angkasa
 Lepas

KELEBIHAN PJPK

➔ Mata pelajaran 'meriangkan' mampu beri banyak faedah kepada pelajar



Oleh Meor Ahmad Nasriin
 Rizal Ishak
 meorahmad@bh.com.my

✦ Sungai Petani

Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan (PJPK) ialah mata pelajaran yang memberi peluang kepada pelajar untuk menikmati kepuasan dan kegembiraan melalui aktiviti yang bersesuaian dengan jasmani dan psikologi.

PJPK juga adalah antara subjek yang menjana markah merit pelajar untuk kemasukan ke universiti awam (UA) dan institusi pengajian tinggi (IPT) selepas mendapat keputusan

Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Selain itu, mata pelajaran berkenaan bermatlamat untuk melahirkan pelajar yang cergas melalui pembelajaran fizikal dan aktiviti kesihatan, sekaligus menjadikan mereka aktif di dalam kelas.

Pelajar juga akan dapat meningkatkan pengetahuan mengenai kesihatan, memupuk sikap positif dan mengamalkan gaya hidup sihat.

Mata pelajaran berkenaan juga ialah suatu proses yang bertujuan untuk meningkatkan kemampuan seseorang individu melalui pendekatan aktiviti fizikal kerana setiap pelajar gemar untuk bersenam seperti berlari, melompat dan membaling. **Lihat M.2**

Layari www.FullAMark.com.my untuk melanggan bagi mendapatkan lebih banyak soalan PT3

Platform pelajar jadi atlet profesional

info.

➔ Lahirkan generasi aktif dan sihat tubuh badan

Dari Muka 1

Guru Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (PJK), Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bandar Puteri Jaya, di sini, Puan Wan Junaidah Wan Gati, berkata PJK dapat membentuk jati diri dan sahsiah pelajar di sekolah secara konsisten.

Beliau berkata, ini dibuktikan pelajar yang bersukan akan mendapat pelbagai nilai dan inti pati positif yang diterapkan dalam diri mereka, sekali gus mampu menjadi daya penggerak ke arah kemajuan diri, masyarakat dan negara.

"Tahap kecergasan memberi faedah dan kebaikan kerana pelajar akan memiliki kesihatan yang baik, bertenaga serta mempunyai keupayaan untuk melakukan aktiviti harian dengan berkesan.

"Selain itu, pelajar yang menguasai mata pelajaran



PJK dapat membentuk jati diri dan sahsiah pelajar di sekolah secara konsisten.



Puan Wan Junaidah Wan Gati

sukan ketika itu.

Lebih aktif

"Di negara ini, bidang sukan adalah Teras Strategik Kelima Kementerian yang mana menyasarkan aset kemajuan industri sukan daripada golongan akar umbi.

"Tidak dapat dinafikan dengan bersukan, pelajar lebih aktif di dalam bilik darjah, memiliki otak cerdas dan sihat tubuh badan, selain dapat mengelakkan mereka daripada melakukan kegiatan negatif serta perkara tidak berfaedah," katanya.

Mata pelajaran itu juga adalah satu pembelajaran yang holistik dan berupaya membangunkan pelajar dari

PJK pula akan mampu menjadi aset penjana bidang sukan yang berkualiti untuk generasi akan datang," katanya kepada BH Minda, baru-baru ini.

PJK turut menjalankan Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan (SEGAK) bagi mengukur tahap kecergasan fizikal pelajar berdasarkan kesihatan.

Pembelajaran berfokus

Proses pembelajaran juga

akan menumpukan kepada peningkatan pengetahuan, pengaruh sikap dan tingkah laku berkaitan dengan aktiviti fizikal.

Meninjau daripada skop berlainan, PJK adalah proses yang bertujuan meningkatkan prestasi manusia, terutama dalam kalangan pelajar.

Kurikulum PJK juga memberi penekanan kepada pengukuhan pembangunan sendiri pelajar dari segi fizi-

kal, mental, emosi, sosial, keselamatan, tanggungjawab sendiri, interaksi dan kerjasama.

Mata pelajaran berkenaan turut berupaya menyediakan dan melahirkan pelajar yang mengamalkan gaya hidup aktif dan sihat.

Puan Wan Junaidah berkata, negara maju seperti Amerika Syarikat berjaya menjana lebih RM845 bilion pada tahun 2008 hasil daripada kemajuan bidang industri

Matlamat aktiviti fizikal

- ➔ Mempertingkatkan dan mengkekalkan kecergasan berasaskan kesihatan.
- ➔ Menguasai kemahiran asas pergerakan dan permainan mengikut kemampuan.
- ➔ Menjadikan senaman dan aktiviti fizikal sebagai rutin harian.
- ➔ Mengaplikasikan pengetahuan kesihatan dan keselamatan ketika kegiatan fizikal.
- ➔ Membentuk sahsiah dan disiplin diri sesuai dengan norma masyarakat.
- ➔ Pergerakan fizikal dititikberatkan dalam Pendidikan Jasmani.
- ➔ Mengurangkan risiko kecederaan dan penyakit kronik.

pelbagai aspek.

Menerusi PJK, pelajar dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan yang akan digunakan bagi mengkekalkan kecergasan serta kesihatan diri untuk ke arah kesejahteraan hidup.

Budaya hidup sihat turut bantu pembelajaran

Sungai Petani: Pelajar yang mengamalkan gaya hidup sihat akan seimbang daripada sudut jasmani, emosi, rohani dan intelektual.

Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bandar Puteri Jaya, Adam Zikry Basrisam, berkata amalan itu perlu dilakukan secara konsisten dan bukan hanya bergantung kepada senaman sahaja, malah perlu selari dengan pengambilan makanan seimbang dan menjaga kebersihan.

Katanya, PJK mendedahkan ilmu mengenai cara dan teknik gaya hidup sihat yang boleh diterapkan dalam dirinya sebagai seorang pelajar.

"Saya sentiasa mengamalkan gaya hidup sihat kerana apabila waktu belajar, saya lebih senang untuk fokus terhadap apa yang diajar oleh guru.

"Aktiviti seperti berjoging, bersenam dan riadah menjadikan otak dan badan



Adam Zikry Basrisam



Yusminsyahira Mohd Pauzee

akan sentiasa aktif serta mudah untuk fokus dan menghafal, selain dapat meningkatkan prestasi sama ada dalam akademik mahupun kokurikulum," katanya.

Uji tahap kecergasan

Baginya, penerapan Ujian Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan (SEGAK) turut menjana kesinambungan markah kuriku-

lum dan kokurikulum demi kelayakan ke institusi pengajian tinggi (IPT) serta universiti awam (UA).

Bagi pelajar SMK Bandar Puteri Jaya, Yusminsyahira Mohd Pauzee, mata pelajaran PJK yang merangkumi Pentaksiran SEGAK dan indeks jisim tubuh (BMI) dapat menguji tahap kecergasan pelajar.

"Berdasarkan keputusan pentaksiran berke-



Pelajar dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan menerusi PJK.

naan, pelajar akan lebih peka, berpengetahuan dan mengamalkan aktiviti kecergasan untuk meningkat dan menge-

kalkan tahap kecergasan fizikal berdasarkan kesihatan optimum.

"Sudah menjadi obligasi untuk semua pelajar bagi

membabitkan diri dengan pentaksiran ini supaya diri kekal sihat, bertenaga dan sentiasa aktif dalam kehidupan seharian," katanya.

Tekad terus buru kejayaan

➔ Kelab Boling Elit SMK Seremban 2 mahu lahir pemain profesional


Oleh Meor Ahmad Nasriin Rizal Ishak
meor.ahmad@bh.com.my

➔ Seremban

Dalam usaha melahirkan pemain boling bertaraf profesional, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seremban 2 menubuhkan Kelab Boling Elit yang memberi kemahiran dan pendedahan kepada pelajar untuk menguasai sukan berkenaan.

Penyelaras Sukan Boling Elit SMK Seremban 2, Encik Huzairey Abdul Ghafar, berkata sejak beberapa tahun lalu, pelbagai kejayaan sudah dicapai oleh pasukannya sama ada pada peringkat daerah, negeri, mahupun kebangsaan.

Beliau berkata, menyentuh mengenai pencapaian kelab berkenaan, pasukannya sering mengungguli kejohanan pada peringkat Majlis Sukan Sekolah Daerah (MSSD) Seremban



Peserta gigit mempersiapkan diri dengan menjalani latihan sebelum pertandingan.

1 dengan menjadi johan berpasukan, beregu dan individu bagi kategori bawah 15 tahun dan bawah 18 tahun.

"Ini dibuktikan selepas ramai atlet kelab ini sering mewakili MSSD Seremban 1 dan Majlis Sukan Sekolah Negeri Sembilan (MSSNS).

"Tahun ini, seramai tiga atlet kelab mewakili kontinjen MSSNS ke kejohanan pada peringkat kebangsaan Majlis Sukan

Sekolah Malaysia (MSSM) yang berlangsung di Kuala Lumpur, baru-baru ini," katanya kepada *BH Minda*, baru-baru ini.

Kekal prestasi

Bagi memastikan pemain sentiasa berada pada tahap prestasi terbaik, empat wakil ke peringkat daerah untuk empat kategori yang berbeza akan dipilih menerusi tiga siri sirkit.

Atlet yang mempunyai jumlah jatuh pin tertinggi dalam semua sirkit berkenaan akan terpilih untuk mewakili sekolah.

Syarat pemilihan juga melalui penganjuran sirkit bagi membolehkan atlet sentiasa berlatih demi memastikan prestasi permainan mereka sentiasa berada dalam keadaan terbaik.

Beliau berkata, atlet kelab berkenaan, Izz Naquiddin Islahuddin, 15, kerap mengungguli kejohanan terbuka dan mewakili Negeri Sembilan dalam kejohanan pada peringkat SUKMA tahun lalu.

"Berdasarkan kecemerlangan ini, dia diserap dalam pasukan pelapis Sukan Malaysia (SUKMA) Negeri Sembilan dan beberapa atlet lain sering menyertai kejohanan terbuka pada peringkat negeri mahupun kebangsaan," katanya.



Encik Huzairey Abdul Ghafar

Kerjasama padu

Sementara itu, Pengetua Cemerlang SMK Seremban 2, Encik Norazam Nayan, berkata kejayaan yang diraih oleh kelab itu adalah hasil usaha latihan yang berterusan yang ditunjukkan oleh setiap pemain, guru, jurulatih dan ibu bapa atlet.

Beliau berpendapat kerjasama dan sokongan padu daripada semua warga SMK Seremban 2 dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) banyak membantu untuk

meraih kejayaan.


"Tanpa usaha gigih serta komitmen yang tinggi daripada semua pihak, tidak mungkin kejayaan ini boleh dicapai.

"Dengan bermain boling juga, seseorang itu akan dapat membentuk sahsiah dan disiplin diri yang sangat tinggi, justeru diharap mereka terus cemerlang serta mencatat kejayaan yang membanggakan, sekali gus mengharumkan nama negara di persada dunia," katanya.

info.

Pencapaian Kelab Boling Elit SMK Seremban 2

- Meraih dua pingat emas dalam beregu dan berkumpulan lelaki bawah 18 tahun
- Meraih pingat emas dalam berpasukan perempuan bawah 18 tahun
- Meraih tiga pingat emas membabitkan individu beregu dan berkumpulan lelaki bawah 15 tahun
- Meraih pingat emas beregu perempuan bawah 15 tahun
- Enam pelajar SMK Seremban 2 menyerta Majlis Sukan Sekolah Negeri Sembilan (MSSNS) dan seorang pelajar ke Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM)
- Atlet boling, Nur Ayun Iman Zulkifli berusia 14 tahun mendapat tempat keempat kategori berpasukan perempuan bawah 15 tahun



Antara pingat yang pernah dimenangi oleh atlet kelab Boling Elit.



Atlet diberi penghormatan dengan menerima pingat dan sijil ketika perhimpunan.

KESALAHAN DALAM FRASA NAMA JAMAK

(Bahagian 1)

Kesalahan frasa nama jamak diuji dalam Bahagian A, Ujian Bertulis, Bahasa Melayu Kelas 1. Dalam frasa nama terdapat bentuk jamak. Kesalahan dalam frasa nama jamak yang terbentuk lazimnya merupakan bentuk kesalahan dan yang frasa kesalahan yang berlaku juga kurang diandaikan oleh kebanyakan murid kerana mereka tidak dapat mengesan betul-betul, dari segi pembentukan frasa nama terdapat kesalahan kerana pembentukan dan penggunaan kata nama jamak yang kurang betul dan kurang tepat.

(i) Meletakkan kata bilangan (penjodoh bilangan) pada kata nama yang telah digandakan.

Kesalahan ayat contoh:

1. Kelihatan **semua** kumpulan ekor **burung-burung** berterbangan di langit.
2. **Semua** buah **meleka** yang rosak akan dihantar ke bengkel untuk dibaiki.
3. **Beberapa** ekor **anjing-anjing** ke itu akan ditangkap dan dihantar ke pusat pengumpulan.
4. **Lima** orang **murid-murid** telah diminta menghantar esei mereka kepada guru Bahasa Melayu.
5. **Sedebapan** ahli **permainan Kader Remaja Sekolah** telah pergi mengikuti perkhemahan di Kuala Langat.

Ayat yang betul:

1. Kelihatan **semua** kumpulan **ekor** **burung** berterbangan di langit.
2. **Semua** **buah** yang rosak akan dihantar ke bengkel untuk dibaiki.
3. **Beberapa** ekor **anjing** ke itu akan ditangkap dan dihantar ke pusat pengumpulan.
4. **Lima** orang **murid** telah diminta menghantar esei mereka kepada guru Bahasa Melayu.
5. **Sedebapan** ahli **permainan Kader Remaja Sekolah** telah pergi mengikuti perkhemahan di Kuala Langat.

Ulasan:

Kata nama yang telah menerima kata bilangan tidak perlu digandakan lagi kerana frasa yang menerima bilangan telah sedia awal menunjukkan bilangan dan kata nama yang digandakan juga menunjukkan bilangan.

(ii) Menggandakan kata adjektif yang merujuk kepada kata nama dalam satu ayat.

Kesalahan ayat contoh:

1. Baju-baju milik Suraya **mahal-mahal** belaka kerana dibeli dari luar negara.
2. Anak-anak Pak Ismail **pandai-pandai** dan berjaya melanjutkan pelajaran ke universiti.
3. Rumah-rumah di Kampung Endah **cantik-cantik** kerana diperbuat daripada kayu jati.
4. Pokok **pisang-pisang** di kebun Encik Borhan **subur-subur** kerana selalu dibaja.
5. Kek-kek yang dihidang itu **manis-manis** belaka.

Ayat yang betul:

1. Baju-baju milik Suraya **mahal** belaka kerana dibeli dari luar negara.
2. Anak-anak Pak Ismail **pandai** dan berjaya melanjutkan pelajaran ke universiti.
3. Rumah-rumah di Kampung Endah **cantik** kerana diperbuat daripada kayu jati.
4. Pokok **pisang** di kebun Encik Borhan nampak **subur** kerana selalu dibaja.
5. Kek yang dihidang itu **manis** belaka.

otau

1. Baju-baju milik Suraya **mahal** belaka kerana dibeli dari luar negara.
2. Anak-anak Pak Ismail **pandai** dan berjaya melanjutkan pelajaran ke universiti.
3. Rumah-rumah di Kampung Endah **cantik** kerana diperbuat daripada kayu jati.
4. Pokok **pisang-pisang** di kebun Encik Borhan nampak **subur** kerana selalu dibaja.
5. Kek-kek yang dihidang itu **manis** belaka.

Ulasan:

Setiap kata nama yang telah digandakan tidak boleh menerima perulangan pada kata adjektif yang merujuk kepada kata nama tersebut. Satu daripada antara kata nama dan kata

adjektif perlu digabungkan penstruannya.

(iii) Tidak meletakkan penjodoh bilangan pada kata nama bilangan tentu dalam ayat yang menunjukkan maksud jamak.

Kesalahan ayat contoh:

1. **Dua** buah **badak** sedang bermain di taman permainan di depan rumah kami.
2. **Lima** ribu **anggota** **politik** bertaruh dalam peperangan mementang pengurusan di Sabah.
3. **Semua** **kereta** telah rosak dalam kejadian banjir kilat di ibu kota.
4. **Dua** puluh **pintu** **kendari** di pekan Linggi musnah dalam kejadian kebakaran pada pagi kelmarin.
5. **Lima** ribu **buah** kelapa telah diekspor ke Malaysia pada musim perayaan.

Ayat yang betul:

1. Dua orang **badak** sedang bermain di taman permainan di depan rumah kami.
2. Lima ribu orang **anggota** **politik** bertaruh dalam peperangan mementang pengurusan di Sabah.
3. Semua **buah** **kereta** telah rosak dalam kejadian banjir kilat di ibu kota.
4. Dua puluh **pintu** **kendari** di pekan Linggi musnah dalam kejadian kebakaran pada pagi kelmarin.
5. Lima ribu **buah** **kelapa** telah diekspor ke Malaysia pada musim perayaan.

Ulasan:

Kata jamak untuk kata nama bilangan tentu seperti ayat-ayat contoh di atas memerlukan penjodoh bilangan pada kata nama tersebut untuk mengelakkan kesalahan frasa.

(iv) Meletakkan penjodoh bilangan pada kata nama bilangan tak tentu dalam ayat yang menunjukkan maksud jamak.

Kesalahan ayat contoh:

1. **Semua** **ekor** **itik** yang dikurung di dalam reban itu sudah mati.
2. **Sekurang** **buah** **kampung** di utara negeri Kedah dilanda banjir besar sejak tiga hari lalu.
3. **Para** **orang** **peronda** di seluruh negara disarankan berfikir terbuka apabila ingin mencaburi bidang politik.
4. **Para** **para** **murid** akan dikenakan tindakan penalti sekiranya didapati meniru dalam peperiksaan.
5. **Berbagai** **bagas** **pedang** yang dipamerkan di Muzium Negara pada masa cuti sekolah.

Ayat yang betul:

1. Semua **ekor** **itik** yang dikurung di dalam reban itu sudah mati.
2. Sekurang **buah** **kampung** di utara negeri Kedah dilanda banjir besar sejak tiga hari lalu.
3. Para **peronda** di seluruh negara disarankan berfikir terbuka apabila ingin mencaburi bidang politik.
4. Para **murid** akan dikenakan tindakan penalti sekiranya didapati meniru dalam peperiksaan.
5. Berbagai **bagas** **pedang** telah dipamerkan di Muzium Negara pada masa cuti sekolah.

Ulasan:

Kecuali kata bilangan **beberapa** kata bilangan tak tentu yang lain tidak boleh menerima penjodoh bilangan yang akan membentuk kesalahan frasa dan mengubah makna ayat. Kata bilangan para pula tidak boleh digandakan kerana akan membentuk maksud rak sekiranya kata itu digandakan.

Latihan

Soalan 1 - 4

A Ayat-ayat yang berikut **mungkin betul dan mungkin salah** jika terdapat **kesalahan**, kesalahan itu telah ditandakan dengan **A, B atau C** dan jika **tidak** kesalahan telah ditandakan dengan **D**. Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. Encik Yusuf **berasa** sedih apabila **keenam** kambing peliharaannya telah mati akibat **djangkiti** penyakit kuku dan mulut. **Tiada** kesalahan.

2. **Kenama** orang **mund** yang telah **dipanggi** pada ponteng kelai **beberapa** kali telah dipanggil oleh pengatur. **Tiada** kesalahan.
3. **Persatuan** bahasa Melayu tidak dapat **menyuarakan** itu kerana **perangai** ahli jawatankuasanya tidak **hadir**. **Tiada** kesalahan.
4. **Beberapa** **gajang** **basu** Melayu telah **ditangkap** oleh **abang** untuk majlis persandinganmya. **Tiada** kesalahan.

Soalan 5 - 8

5. Cikgu Fauzi **memaklumkan** **beberapa** orang **murid** **mund** yang telah menghidang **kanak-kanak** pengumpulan Pengawan agar berjumpa dengannya di dewan.
 - A memberitahu beberapa orang murid
 - B memberitahu bahawa yang murid-murid
 - C memaklumkan bahawa murid-murid
 - D memaklumkan beberapa orang murid-murid
6. Jawatankuasa Pesta Pantun perlu **memaklumkan** kepada para peserta tentang perkara itu lebih awal.
 - A memaklumi tentang perkara itu kepada para peserta
 - B memaklumi kepada para peserta perkara itu
 - C memaklumkan perkara itu kepada para peserta
 - D memaklumkan kepada para peserta tentang perkara itu
7. **Sekawan** **ekor** **burung-burung** **pujang** ke sarang apabila hari menjelang malam.
 - A Sekawan burung pujang ke sarang
 - B Sekawan ekor burung pujang ke sarang
 - C Sekawan burung pujang ke sarang
 - D Sekawan ekor burung pujang ke sarang
8. **Saya** **ucapikan** **berbanyak-banyak** **terima** **kasih** atas perhatian daripada pihak tuan.
 - A Saya ucapkan terima kasih sebanyak-banyak
 - B Saya ucapkan terima kasih yang sebanyak-banyak
 - C Saya mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih
 - D Saya ucapkan sebanyak-banyak terima kasih

Soalan 9 - 10

9. Pilih ayat-ayat yang betul.
 - I Kumpulan rasyid itu telah memperdengarkan nyanyian mereka kepada penonton di Putrajaya.
 - II Peragawati dan peragawan itu memperagakan fesyen pakaian musim sejuk yang terbaharu.
 - III Murid-murid cemerlang menerima daripada pihak sekolah anugerah kerana lulus di dalam peperiksaan.
 - IV Pokok-pokok jagung Pak Leman membarut pertumbuhannya kerana diserang penyakit.
 - A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV
10. I Apabila bulan Ramadan tiba, semua masjid di daerah itu membelanja wang oleh dermawan itu.
 - II Pelumba basikal negara telah mengalami kekejangan otot sebab sahaja tiba di gansan penamat.
 - III Kem askar itu dilengkapi dengan peralatan moden yang canggih bagi mengelakkan sebarang pencemaran berlaku.
 - IV Hujan yang turun tanpa berhenti-henti selama tiga hari telah menyebabkan kampung kami dilanda banjir.
 - A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

Kemahiran Berbahasa

IMBUHAN APITAN PEN...AN DAN APITAN KE...AN

Beberapa contoh penggunaannya pada perkataan dalam ayat-ayat yang berikut, di harap akan dapat mengurangkan kekeliruan yang sering dihadapi oleh pelajar dalam hal perubahan makna kata yang diberikan **imbuhan apitan peN...an** dan **ke...an**, di samping memahami penggunaannya yang betul dan menepati maksud.

1 Guna

- i. **Penggunaan** ialah perihal (perbuatan, kegiatan) menggunakan sesuatu: pemakaian (barang-barang, hasil perusahaan, bahan makanan, dan lain-lain)

Ayat:

Semua pengguna di negara ini terutamanya kaum wanita harus diberikan kesedaran supaya lebih berhati-hati dengan **penggunaan** produk kecantikan yang diimport dari luar negara lebih-lebih lagi produk untuk memutihkan kulit dan produk untuk menangani masalah kegemukan.

- ii. **Kegunaan** membawa maksud faedah, guna yang digunakan

Ayat:

Segala kemudahan prasarana yang disediakan oleh kerajaan di negara ini adalah untuk **kegunaan** secara bersama-sama oleh semua rakyat dan bukan untuk dimonopoli oleh golongan yang tertentu sahaja.

2 Gugur

- Pengguguran** perihal (perbuatan, tindakan, dan sebagainya) menggugurkan

Ayat:

Pengguguran suku kata "mer" pada perkataan bahaya boleh digantikan dengan imbuhan "ber" untuk membentuk perkataan "berbahaya"

- i. **keguguran** bermaksud mengalami gugurnya seperti daun dan lain-lain: melahirkan anak sebelum cukup bulan (dengan tidak sengaja)

Ayat:

a. Ramai pengguna yang telah mengamalkan rawatan secara tradisional dan berasaskan herba bagi menangani masalah **keguguran** rambut mereka, pada usia muda
b. Isteri Pak Kodri yang sedang hamil beberapa bulan itu mengalami **keguguran** akibat terjatuh di bilik air ketika dia hendak membasuh pakaian pada pagi semalam.

3 Habis

- i. **Penghabisan** bermaksud kesudahan, akhir: yang kemudian sekali, akhir: hujung

Ayat:

Kayuhan jaguh lumba basikal negara, Azizulhasni Awang begitu hebat, bertenaga dan tidak dapat ditandingi oleh mana-mana peserta lain sejak awal perlumbaan hinggalah ke garis **penghabisan**

- ii. **Kehabisan** merujuk maksud mengalami kesulitan kerana sesuatu (yang diperlukan) telah habis (dengan tidak disedari, di luar dugaan), tidak lagi mempunyai (wang dan lain-lain, kerana sudah dibelanjakan, digunakan, semuanya), ketiadaan sesuatu (kerana telah habis) tidak tahu apa yang hendak dikatakan lagi (dalam perbualan, perbincangan, dan lain-lain);

Ayat:

Ghulam dan isterinya terpaksa berhadapan dengan masalah kesesakan kenderaan yang berlaku di lebuh raya selama beberapa jam pada malam itu, sehingga menyebabkan kereta mereka hampir-hampir **kehabisan** minyak.

4 Hakim

- i. **Penghakiman** merujuk perihal (perbuatan dan sebagainya) menghakimi

Ayat:

Proses **penghakiman** terhadap kedua-dua orang pegawai yang dituduh melakukan pecah amanah dan menggelapkan wang syarikat itu dilakukan di hadapan hakim mahkamah tinggi di Kota Kinabalu semalam

- ii. **Kehakiman** merujuk segala hal yang berkaitan dengan urusan hukum (undang-undang) dan pengadilan perihal fungsi yang menyerupai atau seakan-akan fungsi kehakiman yang dijalankan menurut budi bicara pentadbiran

Ayat:

Sebagai orang awam, kita disarankan agar tidak terburu-buru untuk membuat sebarang kenyataan tentang proses **kehakiman** di mahkamah kerana semua perbicaraan akan dijalankan berdasarkan undang-undang yang telah dimaktubkan dalam perlembagaan negara.

5 Hina

- i. **Penghinaan** ialah perihal menghina(kan): perbuatan mengingkari keputusan atau proses mahkamah; perlakuan biadab terhadap mahkamah

Ayat:

Perlakuan biadab seperti meninggikan suara kepada hakim yang sedang menjalankan perbicaraan di mahkamah boleh dianggap sebagai suatu bentuk **penghinaan** terhadap mahkamah.

- ii. **Kehinaan** membawa pengertian perihal hina (keji, buruk, dan lain-lain), kerendahan (martabat dan lain-lain), kekejian

Ayat:

Dalam tazkirah ringkasnya kepada para jemaah selepas solat Maghrib pada hari semalam, Ustaz Samsudien mengingatkan kami berkali-kali agar menjauhi perbuatan bersangka buruk terhadap orang lain, apatah lagi menyebarkan fitnah tentang keburukan orang lain kerana perkara tersebut boleh menjerumuskan kita ke lembah **kehinaan**.

6 Hormat:

- i. **Penghormatan** ialah perihal atau perbuatan menghormati, pemberian hormat: perbuatan memberikan penghormatan kepada jenazah buat kali terakhir sebelum dikebumikan, menziarah, bertafakur dan sebagainya

Ayat:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, turut hadir di Tugu Negara untuk menyatakan rasa penghargaan dan **penghormatan** kepada para perajurit yang terkorban demi mempertahankan tanah air, bersempena dengan Sambutan Hari Pahlawan, semalam.

- ii. **Kehormatan** merujuk kepada pemberian hormat (penghargaan dan lain-lain): (per)barisan untuk menunjukkan hormat (kepada tetamu agung dan lain-lain); pingat yang dikurniakan sebagai pernyataan hormat (kerana jasa dan lain-lain); tumpuan hormat, (orang) yang dihormati: dilantik kerana menghormati, kehormat, kebesaran, kemegahan, kemuliaan, ketinggian, bersangkut dengan kebesaran, dan kedudukan raja-raja; nama baik, harga diri kemuliaan (kemegahan) atau nama baik diri seseorang, kemurnian, kesucian (wanita)

Ayat:

Sebelum berlepas ke luar negara untuk melanjutkan pelajaran, ayah sempat menasihati kakak agar sentiasa mendahulukan agama, mengutamakan **kehormatan** diri serta menjaga tatasusila dan tidak melupakan keluarga yang ditinggalkan di tanah air.

7 Indah

- i. **Pengindahan** merujuk perihal (tindakan, proses, usaha, dan sebagainya) menjadikan indah, perihal mengindahkan

Ayat:

Proses **pengindahan** seluruh kawasan bandar itu bersempena sambutan ulang tahun Hari Malaysia dimulakan dengan kerja-kerja membersihkan dan mengcat bangunan-bangunan lama semula, agar kelihatan lebih ceria dan menarik.

- ii. **Keindahan** merujuk perihal indah, kecantikan, keelokan

Ayat:

Keindahan pemandangan di tepi pantai itu memukau para pengunjung terutama sekali ketika matahari mula terbenam dan lembayung senja berlabuh.

8 Jelas:

- i. **Penjelasan** membawa pengertian meketerangan (yang lebih jelas), huraian: penyelesaian (pekerjaan, pembayaran hutang, dan lain-lain)

Ayat:

Orang ramai yang hadir yang hadir dalam majlis tersebut amat berpuas hati dengan **penjelasan** yang disampaikan oleh salah seorang pegawai daripada Jabatan Agama Islam Johor tentang perbezaan ibadah korban dan akikah.

- ii. **Kejelasan** merujuk perihal (sifat, keadaan) jelas, nyatanya, terangnya

Ayat:

Kejelasan imej daripada komputer yang dipaparkan pada skrin menggunakan projektor LCD ketika seseorang penceramah itu berucap, pasti akan menarik minat khalayak yang mengikuti forum tersebut.

9 Jernih:

- i. **Penjernihan** ialah proses (tindakan) untu menjernihkan

Ayat:

Pembantu makmal tersebut sedang menyediakan beberapa peralatan khas yang akan digunakan oleh guru dan para pelajar yang sedang melakukan uji kaji proses **penjernihan** air sungai.

- ii. **Kejernihan** bermaksud perihal jernih, keheñgan, kebeningan: perihal jernih (air muka); perihal jernih (hati dan sebagainya), kesucian, keikhlasan, kejujuran: perihal jernih (keadaan, suasana)

Ayat:

Menerusi tingkap kapal terbang kami dapat melihat warna laut yang kebiru-biruan di sekitar kawasan pulau peranginan tersebut disertai dengan **kejernihan** air yang sangat memukau perhatian.

10 Kukuh:

- i. **Pengukuhan** ialah perihal mengukuhkan (meneguhkan), penguhan

Ayat:

Semua calon dikehendaki menyatakan bukti dan alasan yang munasabah serta mengetengahkan pendapat yang bernas sebagai **pengukuhan** hujah ketika mengulung isu dalam pertandingan syarahan bersempena dengan Program Cintailah Bahasa Kita anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka itu

- ii. **Kekukuhan** membawa maksud kekuatan (binaan, benda, dan lain-lain), keteguhan (pendirian), ketabahan (hati)

Ayat:


Walaupun digegarkan oleh gempa bumi yang agak kuat, namun **kekukuhan** binaan bangunan yang didirikan kira-kira seratus lalu dan diperbuat daripada bongkah batu gunung itu ternyata mengagumkan kerana tiada langsung kesan keretakan atau kerosakan.

WRITING: NOTES EXPANSION EXERCISE

Practise 1

In your class, you have been talking about favourite pastimes.
In about **120 words**, write an **essay** about what do you like to do during your free time.

You may use the notes below to help you.



Practise 2

In your class, you have been talking about frightening incidents.
In about **120 words**, write an **essay** about a frightening incident you experienced.


You may use the notes below to help you.




Practise 3

In your class, you have been talking about different types of sports.
In about **120 words**, write an **essay** about your favourite sport.


You may use the notes below to help you.




- Setiap input (domain) akan dipetakan kepada satu atau lebih output (julat) dalam sesuatu hubungan antara set data.



- Hubungan antara dua set data dapat diwakilkan dalam bentuk a. rajah anak panah



- b. graf



- c. pasangan tertib

{(1, 3), (2, 6), (3, 9), (5, 15)}


- d. jadual

P	1	2	3	5
Q	3	6	9	15


Set P ialah domain dan set Q ialah julat.

- Empat jenis hubungan.


- a. Hubungan satu kepada satu




- b. Hubungan banyak kepada satu



- c. Hubungan satu kepada banyak



- d. Hubungan banyak kepada banyak



Langkah-langkah melukis graf fungsi

1. Bina jadual nilai untuk fungsi yang diberi.
2. Tanda atau kenal pasti skala yang sesuai untuk paksi-x dan paksi-y.
3. Plot koordinat dengan tepat pada satah Cartes.
4. Sambungkan semua titik yang telah diplot dengan lancar dan teratur.
5. Label graf.

Contoh 1:

Isi padu kubus ialah kuasa tiga panjang sisinya.

Biar, l = Isi padu
 a = panjang sisi

- $l = a^3$ ialah suatu fungsi yang menunjukkan hubungan antara isi padu kubus dengan panjang sisi-sisinya.
- l ialah pemboleh ubah bersandar kerana isi padu kubus bergantung kepada panjang sisi-sisinya, a . Maka, panjang sisi merupakan pemboleh ubah tidak bersandar.

Contoh 2:

Diberi $y = 3x + 5$, bina suatu jadual nilai untuk $-2 \leq x \leq 3$.

Penyelesaian:

Apabila, $x = -2$,
 $y = 3(-2) + 5$
 $= -6 + 5$
 $= -1$

Apabila, $x = -1$,
 $y = 3(-1) + 5$
 $= -3 + 5$
 $= 2$

Apabila, $x = 0$,
 $y = 3(0) + 5$
 $= 0 + 5$
 $= 5$

Apabila, $x = 1$,
 $y = 3(1) + 5$
 $= 3 + 5$
 $= 8$

Apabila, $x = 2$,
 $y = 3(2) + 5$
 $= 6 + 5$
 $= 11$

Apabila, $x = 3$,
 $y = 3(3) + 5$
 $= 9 + 5$
 $= 14$

Maka, jadual nilai untuk $y = 3x + 5$


x	-2	-1	0	1	2	3
y	-1	2	5	8	11	14

Contoh 3:

Lukis graf fungsi berdasarkan jadual berikut. Gunakan 2 cm mewakili 2 unit untuk kedua-dua paksi-x dan paksi-y.


x	-2	-1	0	1	2
y	5	2	1	2	5

Penyelesaian:



Latihan

1. Rajah 1 menunjukkan satu hubungan antara set P dan set Q. Diagram 1 shows a relation between set P and set Q.



Rajah 1 / Diagram 1

Nyatakan / State

- (a) domain, / the domain,
- (b) julat, / the range,
- (c) jenis hubungan itu. / the type of the relation.

2. Berikut merupakan satu kenyataan. The following is a statement.

'Luas sebuah segi empat sama kepada sisi-sisinya.'
'The area of a square to the edges.'

- (a) Nyatakan hubungan antara pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar. State the relation between dependent variable and independent variable.

- (b) Kenal pasti pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar dalam hubungan tersebut. Identify the dependent variable and the independent variable in the relation.

3. Lukis / Draw $y = 3x^3 + 6x^2 - 2$

4. Lukis / Draw $y = -x^3 + 10$

5. Lukis graf fungsi berdasarkan jadual berikut. Gunakan 2 cm mewakili 1 unit untuk paksi-x dan 1 cm mewakili 5 unit pada paksi-y. Draw the graph of function based on the following table. Use 2 cm representing 1 unit on the x-axis and 1 cm representing 5 units on the y-axis.

x	-2	-1	0	1	2
y	-18	-5	-2	3	22

6. Lukis graf fungsi berdasarkan jadual berikut. Gunakan 2 cm mewakili 2 unit untuk kedua-dua paksi-x dan paksi-y. Draw the graph of function based on the following table. Use 2 cm representing 2 units on the x-axis and y-axis.

x	-2	-1	0	1
y	3	-3	-1	9

7. Lukis graf fungsi berdasarkan jadual berikut. Gunakan 2 cm mewakili 2 unit untuk kedua-dua paksi-x dan paksi-y. Draw the graph of function based on the following table. Use 2 cm representing 2 units on the x-axis and y-axis.


x	-2	-1	0	1	2
y	4	0.5	0	-0.5	-4

CUACA ANGKASA LEPAS

Aktiviti Matahari yang Memberi Kesan kepada Bumi

Struktur Matahari


- Matahari ialah sumber tenaga utama di Bumi.
- Matahari terbentuk daripada gumpalan besar yang mengandungi debu dan gas yang terapung.
- Matahari ialah bintang yang paling hampir dengan Bumi.
- Matahari mempunyai atmosfera yang terbahagi kepada 3 lapisan, korona, kromosfera dan fotosfera.
- Pusat Matahari dikenali sebagai teras dan suhu mencapai 15 000 000 °C.
- Di sini proses pelakuran nukleus berlaku disebabkan pertukaran hidrogen kepada helium.



Fenomena yang Berlaku pada Permukaan Matahari

- Granul
- Tompok Matahari
- Kitaran Suria
- Semarak Suria (prominen)
- Nyalaan Suria
- Lentingan jisim korona
- Angin Suria

Magnetosfera Bumi dan Kepentingannya



- Definisi:** Ruang dalam angkasa lepas yang meliputi Bumi yang mana medan magnet dalam magnetosfera Bumi ialah gabungan antara medan magnet Bumi dengan medan magnet dalam ruang angkasa lepas.
- Pembentukan:** Daripada interaksi antara medan magnet yang dibawa oleh angin suria dengan medan magnet Bumi.
- Kepentingan:** Melindungi Bumi daripada kesan buruk yang disebabkan oleh zarah berbahaya dari Matahari atau jasad lain di angkasa lepas.

Kenal pasti dan namakan Q dan R.
Identify and name Q and R.

Q: _____
R: _____
[2 markah / 2 marks]

- (b) Dengan menggunakan huruf Q, R dan S, tentukan struktur Matahari yang sepadan dengan penerangan yang diberikan.
Using Q, R and S, determine the parts of structure of the Sun's that match the descriptions given.

Penerangan Description	Bahagian matahari Parts of the Sun
Ia adalah salah satu bahagian Matahari yang paling sejuk iaitu kurang dari 6 000°C. It is one of the coolest layers of the Sun, with a temperature of less than 6 000°C.	
Lapisan ini hanya boleh dilihat semasa Gerhana Matahari penuh. This layer can only be seen during a total Solar eclipse.	

[2 markah / 2 marks]

- 7 (a) Rajah 3 menunjukkan fenomena yang berlaku pada permukaan Matahari.
Diagram 3 shows the phenomena occurring on the surface of the Sun.



Rajah 3 / Diagram 3


- (i) Padankan bahagian berlabel dengan fenomenanya.
Match the labelled parts to its phenomenon.

Bahagian Parts	Fenomena Phenomenon
P	(i) Nyalaan suria Solar flares
Q	(ii) Tompok Matahari Sun spot
R	(iii) Semarak suria Prominens

[3 markah / 3 marks]

Latihan

- 1 Rajah 1 menunjukkan atmosfera Matahari.
Diagram 1 shows the atmosphere of the Sun.



Rajah 1 / Diagram 1

Apakah R?
What is R?

- A Fotosfera
Photosphere
B Kromosfera
Chromosphere
C Korona
Corona
D Teras
Core

- 2 Antara yang berikut, yang manakah menerangkan tentang Matahari?
Which of the following describes the Sun?

- A Galaksi
Galaxy
B Bintang
Star
C Alam semesta
Universe
D Satelit
Satellite

- 3 Lapisan gas yang paling panas pada Matahari ialah
The hottest layer of gas in the Sun is the

- A Korona
Corona
B Kromosfera
Chromosphere
C Teras
Core
D Fotosfera
Photosphere


- 4 Antara yang berikut, yang manakah berlaku pada teras?
Which of the following takes place in the core of the Sun?

- A Cahaya merah dihasilkan
Reddish light is produced
B Zarah elektrik bercas dibebaskan
Charged electric particles are released
C Letupan gas yang kuat
Violent explosions of gases
D Atom helium dibentuk daripada pelakuran nukleor atom hidrogen
Helium atoms are formed from nuclear fusion of hydrogen atoms

- 5 Lapisan Matahari yang manakah boleh dilihat semasa gerhana Matahari?
Which layers of the Sun can be seen only during an eclipse of the Sun?

- I Korona
Corona
II Kromosfera
Chromosphere
III Fotosfera
Photosphere
A I dan II
I and II
B I dan III
I and III
C II dan III
II and III
D I, II dan III
I, II and III

- 6 (a) Rajah 2 menunjukkan struktur Matahari.
Diagram 2 shows the structure of the Sun.



Rajah 2 / Diagram 2

MENYEDIAKAN DOKUMENTASI

Dokumentasi ialah satu laporan bertulis yang berkaitan dengan hasil ciptaan sesuatu produk. Dokumentasi menghuraikan secara terperinci mengenai reka bentuk produk daripada peringkat penajanaan idea sehingga ke peringkat penghasilan *mock-up* atau model.

Dokumen ini penting bagi membolehkan pereka bentuk dapat menjadikannya sebagai rujukan pada masa akan datang dan sebagai bukti reka bentuk yang boleh digunakan untuk membuat permohonan lesen dan pendaftaran paten sesuatu produk.

Sesebuah produk yang telah dipatenkan akan diurus dan dilindungi oleh Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO). Pendokumentasian penting sebagai:

- (a) **Menjadi bukti rekaan** – pereka bentuk perlu merekodkan segala maklumat berkaitan dengan carian, kajian dan lakaran perkembangan idea semasa proses mereka bentuk untuk membuktikan keaslian hasil rekaan.
- (b) **Diperlukan dalam memfailkan permohonan lesen** – pereka bentuk perlu menyertakan dokumentasi lengkap beserta *mock-up* atau model yang telah dihasilkan semasa membuat permohonan lesen.
- (c) **Rujukan dan penyelidikan** – pereka bentuk lain dapat membuat rujukan yang terdapat dalam dokumentasi dengan membuat inovasi penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Format pelaporan disediakan dengan berpandukan kepada susunan bahagian mengikut format yang betul. Hal ini bagi memastikan laporan yang dihasilkan menepati kehendak laporan penghasilan produk yang standard dan tersusun. Berikut merupakan format pelaporan yang terdiri daripada bahagian-bahagian yang perlu disediakan dalam laporan penghasilan produk.

- (a) **Muka hadapan**
 - Perlu menarik minat pembaca dan sesuai dengan tema pelaporan.
 - Menyatakan nama produk, nama murid, nombor kad pengenalan, penilai, tarikh dihantar, nama mata pelajaran dan tingkatan.
- (b) **Penghargaan**
 - Ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam proses penghasilan produk sama ada secara langsung atau tidak.
- (c) **Abstrak**
 - Ringkasan bagi kandungan keseluruhan suatu laporan.
 - Merupakan gambaran awal tentang produk yang dihasilkan, keistimewaan dan penyelesaian masalah yang membawa kepada penghasilan produk tersebut.
- (d) **Kandungan**
 - Memudahkan pembaca merujuk tajuk atau subtajuk laporan yang dihasilkan.
 - Perlu ada nombor halaman bagi memudahkan pembaca membuat pencarian tajuk atau subtajuk tertentu.
- (e) **1.0 Pengenalan**
 - Mengandungi maklumat yang berkait dengan masalah, kajian keperluan pelanggan, penyelesaian masalah inventrif dan projek brief.
 - Konsep 5W + 1H (*What, Why, Who, When, Where, How*) diterapkan bagi membantu pereka bentuk dalam penyediaan bahagian pengenalan.
- (f) **2.0 Penentuan gabungan teknologi**
 - Menjelaskan teknologi yang dipilih untuk digabungkan bagi tujuan penyelesaian masalah yang telah dikenal pasti.
 - Tujuan penggunaan, fungsi, kekuatan dan kelemahan teknologi yang dipilih perlu dijelaskan dan digabung untuk penyelesaian masalah.
- (g) **3.0 Perancangan konsep**
 - Perancangan dibuat dalam semua bentuk (2D, 3D, hitam putih atau warna) yang menggambarkan idea reka bentuk produk yang akan dihasilkan.
- (h) **4.0 Lakaran akhir**
 - Lakaran terakhir yang dipilih daripada lakaran idea yang telah dihasilkan dengan mengambil kira elemen dan prinsip reka bentuk.
- (i) **5.0 Jadual kerja**
 - Penjadualan aktiviti reka bentuk dalam bentuk Carta Gantt atau hubungan aktiviti yang memaparkan anggaran jangka masa yang ditetapkan bagi menyiapkan sesuatu projek.

- (j) **6.0 Pengurusan kewangan**
 - Perancangan kewangan dalam bentuk konsep SMART dalam penentuan kos pengeluaran produk dan harga jualan.
- (k) **7.0 Penghasilan produk**
 - Menjelaskan semua peringkat yang terlibat semasa membuat projek (mengukur, menanda, memotong, membina, mencantumkan dan membuat kemasan).
- (l) **8.0 Pengujian & penilaian**
 - Perlu menyatakan kaedah pengujian yang dipilih dan keputusan pengujian.
 - Keputusan pengujian akan dinilai daripada aspek kegunaan, ergonomik, nilai estetika, keselamatan dan keberkesanan melalui borang soal selidik yang akan diedarkan kepada pengguna.
- (m) **9.0 Cadangan**
 - Bertujuan menjelaskan produk yang **penambahbaikan** dihasilkan telah melalui fasa penambahbaikan untuk menjadikan produk tersebut lebih baik dan sempurna serta mencapai objektif.
- (n) **10.0 Penutup**
 - Meringkaskan kelebihan produk yang telah dihasilkan dan dijadikan rujukan oleh pereka bentuk untuk menjelaskan harapan mereka terhadap produk untuk mencapai objektif penghasilannya.
- (o) **Bibliografi**
 - Rujukan yang disenaraikan perlu ditulis mengikut format *American Psychological Association* (APA).
- (p) **Lampiran**
 - Semua bahan dan rujukan yang digunakan dinyatakan dalam bahagian ini seperti brosur, katalog, manual penggunaan, rujukan lakaran, lukisan unjuran ortografik dan sebagainya.

Produk yang telah siap akan dipersembahkan kepada guru dan rakan sekelas bagi memperkenalkan hasil rekaan serta menerangkan ciptaan produk dan segi kegunaan, reka bentuk dan ciri-ciri istimewa produk berkenaan. Persembahan produk juga dapat memberi cadangan penambahbaikan daripada sekiranya perlu daripada guru dan rakan-rakan bagi menghasilkan produk yang lebih baik dan menepati objektif produk.

Latihan

BAHAGIAN A

Pilih jawapan antara A, B, C atau D berdasarkan pilihan jawapan yang diberi.

- 1 Nyatakan kepentingan pendokumentasian yang menjadi elemen penting dalam sebuah pembinaan projek.
 - I Menjadi bukti rekaan sebuah produk
 - II Laporan perincian projek
 - III Memudahkan rujukan dan penyelidikan
 - IV Sebagai sumber untuk mendapatkan paten.

A I, II dan III C I, III dan IV
B I, II dan IV D II, III dan IV
- 2 Apakah tujuan menulis penghargaan dalam format pelaporan?
 - I Memberikan pujian kepada semua pihak yang terlibat
 - II Sebagai tanda ucapan terima kasih kepada pihak yang membantu
 - III Memberikan gambaran awal tentang produk yang dihasilkan
 - IV Sebagai tanda ingatan dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat

A I, II dan III C I, II dan IV
B I, II dan IV D II, III dan IV
- 3 Mengapakah abstrak penting dalam pendokumentasian?
 - A Memberikan gambaran awal mengenai keseluruhan projek
 - B Memberikan pujian atas sumbangan terhadap pihak yang tertentu.
 - C Menjelaskan maklumat tentang permasalahan produk.
 - D Menyatakan bahan dan alatan yang diperlukan.
- 4 Apakah peranan menyediakan jadual kerja?
 - A Menyatakan setiap aktiviti atau kerja yang telah dilakukan.
 - B Menganggarkan jangka masa untuk menyiapkan sesuatu produk.
 - C Membolehkan pengiraan kos yang lebih sistematik.

- D Membantu dalam menyediakan senarai alatan dan bahan yang diperlukan.
- 5 Tujuan menyatakan penutup dalam pendokumentasian ialah
 - A menerangkan mengenai pengujian yang boleh dijalankan.
 - B menyatakan perancangan kewangan yang terlibat.
 - C menjelaskan teknologi yang dipilih dalam menyiapkan projek.
 - D meringkaskan kelebihan produk yang telah dihasilkan.

BAHAGIAN B

Jawab semua soalan pada bahagian ini di ruang jawapan yang disediakan.

- 1 Lengkapkan ayat berikut:

Dokumentasi adalah satu _____ A _____ yang berkaitan dengan hasil ciptaan sesuatu produk yang dapat menghuraikan secara terperinci mengenai reka bentuk produk daripada peringkat _____ B _____ sehingga ke peringkat _____ C _____.

- A. _____
 - B. _____
 - C. _____
- [3 markah]

- 2 Jelaskan kepentingan pendokumentasian terhadap sesuatu rekaan produk.

	Kepentingan	Huraian
A.	Bukti rekaan	
B.	Dokumen permohonan paten	
C.	Rujukan dan penyelidikan	

[3 markah]

- 3 Nyatakan perkara yang perlu dimasukkan dalam penulisan penentuan gabungan teknologi.

- A. _____
- B. _____
- C. _____

[3 markah]

- 4 Tandakan (✓) pada pernyataan yang benar mengenai dokumentasi dan (X) pada pernyataan yang salah.

- A. Dokumentasi adalah satu laporan bertulis yang berkaitan dengan hasil ciptaan sesuatu produk
- B. Dokumentasi digunakan untuk memohon paten bagi sebuah produk yang dihasilkan
- C. Dokumentasi dapat membantu dalam proses pemasaran produk.

[3 markah]

BAHAGIAN C

Jawab semua soalan dalam bahagian ini di ruang jawapan yang disediakan.

- 1 A. Apakah maksud pendokumentasian? _____ [2 markah]
- B Senaraikan bahagian isi pelaporan mengikut tertib susunan yang betul.
 - i. Pengenalan
 - ii. _____
 - iii. _____
 - iv. _____
 - v. _____
 - vi. _____
 - vii. _____
 - viii. _____
 - ix. _____
 - x. Penutup

[8 markah]

IBADAT SOLAT SUNAT

Minggu ini kita akan membuat ulang kaji menjawab soalan di bawah bidang Ibadat Tingkatan Tiga yang berkaitan tajuk-tajuk di bawah;

1. Solat Sunat Aidilfitri 2. Solat Sunat Hajat 3. Solat Sunat Tahajud

Contoh catatan ringkas;

Tajuk	Maksud	Hikmah
Solat Sunat Aidilfitri	Solat sunat dua rakaat yang dilakukan oleh umat Islam pada pagi 1 Syawal.	1. Menzahirkan kesyukuran dan meningkatkan keimanan. 2. Mengeratkan hubungan silaturahim.
Solat Sunat Hajat	Solat yang dilakukan untuk memohon sesuatu hajat kepada Allah SWT sama ada ingin mendapat sesuatu kebaikan atau menolak sesuatu keburukan.	1. Melatih diri agar sentiasa mengharapkan pertolongan Allah SWT. 2. Mengakui kelemahan diri serta reda menempuh sebarang ketentuan Allah SWT.
Solat Sunat Tahajud	Solat sunat yang dilakukan selepas solat Isyak setelah terjaga daripada tidur pada waktu malam walaupun tidur hanya sebentar	1. Melahirkan rasa seronok melakukan ibadat. 2. Mendidik jiwa bermunajat dan menimbulkan rasa takut kepada Allah SWT.

Latihan

1 Sebagai seorang murid, kita hendaklah sentiasa menunaikan solat-solat sunat, antaranya solat sunat hajat.

(i) Tulis contoh lafaz niat solat sunat hajat.

(ii) Nyatakan empat tujuan kita melakukan solat sunat hajat.

- _____
- _____
- _____
- _____

(iii) Terangkan tiga perbezaan antara solat sunat hajat dengan solat sunat tahajud.

No.	Solat Hajat	Solat Tahajud
1		
2		
3		

(iv) Terangkan empat hikmat solat hajat.

- _____
- _____
- _____
- _____

2 (i) Apakah maksud solat Aidilfitri?

(ii) Jelaskan empat hikmat solat Aidilfitri.

- _____
- _____
- _____
- _____

(iii) Jelaskan tiga kepentingan takbir hari raya.

- _____
- _____
- _____

3 Umat Islam digalakkan menghidupkan malam dengan membanyakkan ibadat terutamanya solat sunat tahajud.

(i) Apakah maksud solat tahajud?

(ii) Nyatakan waktu yang afdal menunaikan solat tahajud.

(iii) Tuliskan maksud lafaz niat solat tahajud.

4 Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud;

Sesiapa yang berwuduk dengan sempurna, kemudian melakukan solat dua rakaat dengan sempurna, Allah SWT akan mengurniakan apa-apa sahaja yang dipohon sama ada cepat atau lambat.

Riwayat: Imam Ahmad

(i) Apakah maksud solat hajat?

(ii) Jelaskan empat tindakan yang perlu anda lakukan apabila permohonan tidak dimakbulkan.

- _____
- _____
- _____
- _____

(iii) Terangkan dua perbezaan antara solat hajat dengan solat rawatib.

Perkara	Solat hajat	Solat rawatib
Masa		
Bilangan rakaat		
Doa		
Cara		

5 Solat sunat Aidilfitri pertama kali dilakukan oleh Rasulullah SAW adalah pada tahun kedua hijrah.

(i) Nyatakan hukum melakukan solat Aidilfitri.

(ii) Jelaskan empat amalan yang perlu diberi perhatian oleh setiap muslim sebelum solat Aidilfitri.

- _____
- _____
- _____
- _____

(iii) Lengkapkan jadual di bawah berkaitan perbezaan antara solat Aidilfitri dengan solat Jumaat

Perkara	Solat Aidilfitri	Solat Jumaat
Waktu		
Hukum		
Khutbah		
Tempat		
Bilangan jemaah		

6 Jelaskan empat bentuk hajat yang boleh dipohon dalam solat sunat hajat.

- _____
- _____
- _____
- _____

7 Nyatakan tiga contoh hajat untuk mendapat sesuatu kebaikan duniawi.

- _____
- _____
- _____

8 Nyatakan empat contoh hajat untuk dijauhi daripada keburukan di dunia.

- _____
- _____
- _____
- _____

9 Jelaskan tiga tindakan yang perlu anda lakukan apabila permohonan dimakbulkan.

- _____
- _____
- _____

10 Terangkan empat hikmah menunaikan solat tahajud.

- _____
- _____
- _____
- _____

11 Anda bersama-sama rakan-rakan berbincang supaya sentiasa melakukan solat sunat tahajud. Jelaskan tiga contoh dapatan hasil perbincangan tersebut agar rakan-rakan yang lain juga sentiasa mengamalkan solat tahajud secara berterusan.

- _____
- _____
- _____

12 Isi tempat kosong di bawah dengan pilihan jawapan yang sesuai.

Aidiladha	khutbah	Aidilfitri	muakkad
-----------	---------	------------	---------

(i) Hukum menunaikan solat Aidilfitri dan Aidiladha adalah sunat _____

(ii) Solat sunat _____ kali pertama dilakukan oleh Rasulullah SAW pada tahun kedua hijrah.

(iii) Maksud solat _____ ialah solat sunat dua rakaat yang ditunaikan pada pagi 10 Zulhijah

(iv) Waktu _____ kedua-dua solat Aidilfitri dan Aidiladha dibaca selepas selesai solat.

13 Tulis (T) pada pernyataan yang berkaitan solat tahajud dan (H) pada pernyataan berkaitan solat hajat pada ruangan yang disediakan.

Bil.	Pernyataan	(T) atau (H)
(i)	Boleh dilakukan pada waktu malam atau siang, sama ada secara sendirian atau berjemaah.	
(ii)	Ditunaikan secara sendirian pada waktu malam untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.	
(iii)	Dilakukan setelah jaga daripada tidur pada waktu malam selepas solat Isyak.	

KESAN PENTADBIRAN BARAT

Perwujudan Sistem Kewangan dan Insurans

1. Kepesatan ekonomi di negara kita telah mendorong British memperkenalkan sistem kewangan moden dan insurans untuk melicinkan urusan kewangan British menubuhkan sistem institusi kewangan iaitu sistem perbankan.
2. Dengan adanya institusi kewangan ini, modal dari luar negara dapat disalurkan ke Tanah Melayu dengan mudah.
3. Dalam perdagangan antarabangsa, bank bertindak sebagai ejen pembayar kepada syarikat pengeksporth dan pengimport.
4. Antara bank perdagangan terawal ialah Merchantile Bank (1859), Chartered Bank (1875) dan Hong Kong and Shanghai Bank (1894).
5. Bank tempatan pula ialah Kwong Yik Bank di Kuala Lumpur (1913) dan Ban Hin Lee Bank di Pulau Pinang (1935).
6. Pada abad ke-19 dan awal abad ke-20, kapal laut merupakan pengangkutan penting dalam sektor perdagangan antarabangsa.
7. Syarikat perkapalan memerlukan perkhidmatan insurans maritim untuk melindungi kapal dagang dan muatan yang dibawa.
8. Perkhidmatan insurans yang lain ialah insurans nyawa, insurans kemalangan, insurans kebakaran, pemiagaan dan insurans harta.
9. Syarikat insurans yang terkenal ialah insurans Syarikat Royal Insurance Company (1860) dan Khean Guan Insurance Limited (1885) di Pulau Pinang. Sebuah lagi syarikat insurans yang terkenal ialah Commercial Union (1919) di Ipoh.

Akta Tanah Simpanan Melayu

1. British telah memperkenalkan beberapa peraturan seperti peraturan tanah, syarikat perwakilan, penubuhan jabatan kerajaan dan undang-undang buruh.
2. British telah membahagikan tanah mengikut kegunaannya iaitu tanah lombong, tanah ladang, tanah pertanian dan tanah perbumi.

Negeri-negeri Melayu

1. Menjelang abad ke-19, berlaku banyak perubahan di Tanah Melayu akibat pembukaan lombong bijih timah dan pembukaan ladang getah oleh pemodal Eropah.
2. Mereka menawarkan harga yang tinggi untuk membeli tanah orang Melayu.
3. Perkembangan ini membimbangkan pentadbiran British kerana sekiranya tanah-tanah ini terjual, maka sudah tentu akan membawa penderitaan kepada orang Melayu.
4. Pada tahun 1913, Majlis Mesyuarat Persekutuan telah meluluskan Akta Tanah Simpanan Melayu (TSM).

Sarawak

- British memperkenalkan Land Order (1931) dan Land Settlement Order (1933) di Sarawak.
- Akta ini bertujuan untuk melindungi tanah simpanan dan tanah pedalaman milik peribumi supaya tidak berpindah milik kepada orang luar.

Sabah

- Di Sabah, Proklamasi III Perlindungan Hak Peribumi (1889) telah diwartakan oleh British bagi melindungi tanah peribumi.
- Menurut akta ini, Residen boleh mengisytiharkan mana-mana tanah di dalam sesebuah negeri sebagai hak orang Melayu. Tanah tersebut tidak boleh dijual, dipajak gadaai atau dipindah milik kepada orang bukan Melayu. Tujuannya untuk mengelakkan tanah milik orang Melayu berpindah milik kepada orang asing.
- Perkembangan pesat dalam perusahaan bijih timah dan getah menyebabkan British menggalakkan kemasukan buruh dari China dan India.
- Tenaga buruh dari China dibawa masuk untuk bekerja di lombong bijih timah melalui Sistem Kontrak.
- Buruh dari India pula telah dibawa masuk secara beramai-ramai untuk bekerja di ladang getah melalui Sistem Kangani.

Latihan


BAHAGIAN B

1. British telah mengubah sistem ekonomi di Tanah Melayu dengan memperkenalkan sistem ekonomi moden


(a) Nyatakan kegiatan ekonomi moden tersebut.
_____ [2 markah]

(b) Apakah ciri-ciri ekonomi moden?
_____ [2 markah]

(c) Mengapakah British memberi tumpuan kepada kegiatan ekonomi berikut di negara kita?



Ladang getah



Ladang kelapa sawit



Lombong petroleum



Lombong bijih timah

_____ [3 markah]

(d) Jelaskan kesan perkembangan ekonomi dagangan di Tanah Melayu.
_____ [3 markah]

2. British telah memperkenalkan sistem perbankan di negara kita.



Merchantile Bank



The Chartered Bank

(a) Mengapakah British menubuhkan sistem perbankan tersebut?
_____ [2 markah]

(b) Nyatakan kesan pengenalan mata wang dan sistem perbankan di Tanah Melayu.

_____ [4 markah]

(c) Sejauh manakah sistem perbankan memberi sumbangan kepada pembangunan ekonomi negara?

_____ [4 markah]

BAHAGIAN C

1. Petikan berikut berkaitan dengan kepentingan perusahaan getah di negara kita terhadap British.

Ladang getah di Tanah Melayu bukan sahaja menjadi sumber kekayaan yang besar bagi syarikat-syarikat British dan pemegang saham mereka, bahkan membekalkan kerajaan British produk yang penting dan strategik sama ada untuk kegunaan semasa perang atau ketika aman. Keseimbangan pembayaran Britain juga banyak bergantung kepada eksport getah Tanah Melayu.

Sumber: James Hagan: *The British and rubber in Malaya, 1890-1940, University of Wollongong*

(a) Jelaskan usaha yang dibuat oleh British untuk memperluaskan tanaman getah. [4 markah]

(b) Terangkan kesan perusahaan getah terhadap negara kita. [4 markah]

(c) (i) Mengapakah getah dianggap produk penting British pada abad ke-19 dan awal abad ke-20? [6 markah]

(ii) Mengapakah perusahaan getah penting kepada negara kita? [6 markah]

2. Pernyataan berikut berkaitan undang-undang tanah telah diperkenalkan oleh British di negara kita menjelang abad ke-19.

Akta ini memberi kuasa kepada Residen, dengan persetujuan Raja dalam Majlis Mesyuarat Negeri, untuk mengisytiharkan dan mewartakan mana-mana kawasan di dalam negerinya menjadi kawasan Tanah Simpanan Melayu (TSM) Seksyen ini menerangkan bahawa mana-mana kawasan di dalam negeri boleh dijadikan TSM.

Sumber: Ahmad Nazri bin Abdullah, 'Undang-Undang Tanah Simpanan Melayu' dalam *Sejarah Masyarakat Melayu, 1985*. Jabatan Penerbitan Universiti Malaya, Kuala Lumpur

(a) Jelaskan tujuan British memperkenalkan undang-undang tersebut? [4 markah]


(b) Terangkan undang-undang tanah yang diperkenalkan British di Negeri-negeri Melayu, Sarawak dan Sabah. [4 markah]

(c) (i) Sekiranya anda sebagai pemimpin masyarakat tempatan pada waktu itu, bagaimanakah anda mempertahankan tanah hak milik masyarakat tempatan? [6 markah]

(ii) British mengatakan tujuan undang-undang tanah diperkenalkan demi menjamin kelangsungan masa depan orang Melayu dan masyarakat peribumi. Beri ulasan anda [6 markah]

SUMBER SEMULA JADI UTAMA DAN KERJASAMA EKONOMI DI DUNIA

TABURAN TENAGA UTAMA DI DUNIA



Krisis Sumber Semula Jadi di Dunia

Ekonomi

- Pendapatan negara pengekspor dan pengimport tidak menentu:
 - Akibat permintaan yang semakin meningkat
 - Kekurangan pengeluaran dan bekalan
 - Kekurangan sumber eksport
 - Aktiviti import dan eksport merosot di pasaran global
 - Permintaan turut merosot.
- Peningkatan kos sara hidup
 - Nilai mata wang menurun
 - Harga barangan keperluan meningkat
 - Pendapatan negara merosot
 - Kuasa beli menjadi semakin lemah

Politik

- Konflik wilayah
 - Perebutan kawasan yang kaya dengan sumber
 - Perebutan di dalam negara dan antara negara
- Tekanan politik antarabangsa
 - Negara pengeluar menghadapi tekanan untuk menambah pengeluaran dan menurunkan harga sumber
- Konflik politik dalaman
 - Untuk mengawal harga barangan keperluan
 - Mewujudkan peluang pekerjaan
 - Mengatasi masalah kenaikan kos sara hidup

Masyarakat

- Peningkatan kadar kemiskinan
 - Pengeluaran sumber eksport semakin merosot
 - Kadar pengangguran meningkat
 - Kos sara hidup semakin tinggi
- Peningkatan kadar kebuluran
 - Kadar pengangguran meningkat menyebabkan kadar kemiskinan bertambah
 - Harga barangan keperluan asas semakin meningkat
 - Kuasa beli semakin menurun
- Masalah sosial dalam masyarakat
 - Akibat daripada masalah pengangguran dan belunggu kemiskinan
 - Kes jenayah semakin meningkat seperti meragut, merompak, pecah rumah dan lain-lain
 - Kadar amalan rasuah dan penyelewengan kuasa berleluasa
 - Pencetusan perang saudara antara yang miskin dengan kaya

Alam Sekitar

- Kemerosotan kualiti alam sekitar
 - Akibat penerokaan alam sekitar yang tidak terkawal dan berleluasa
 - Berlaku pencemaran air, udara dan tanah.
- Berlaku ketidakseimbangan alam sekitar akibat penerokaan sumber
 - Kemusnahan alam sekitar akibat penerokaan sumber
 - Kehilangan habitat asal tumbuh-tumbuhan dan hidupan liar
- Sumber semula jadi semakin berkurangan
 - Akibat penerokaan yang berlebihan
 - Rizab sumber menjadi semakin berkurangan
- Kemusnahan flora dan fauna
 - Akibat penerokaan sumber yang berlebihan
 - Penerokaan tidak terkawal
 - Kurang usaha pemuliharaan dan pemeliharaan

Latihan

Jawab semua soalan.

- Lengkapkan jadual berikut.

Sumber	Negara
Angin	
	Amerika Syarikat
	China
Arang batu	
Geoterma	

2. Berikan **dua** contoh negara lain yang mempunyai sumber semula jadi gas asli.

(i) _____

(ii) _____
3. Senaraikan aspek-aspek yang menerima kesan daripada krisis sumber semula jadi dunia.

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

(iv) _____
4. Apakah **tiga** kesan negatif krisis sumber semula jadi dunia terhadap masyarakat?

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____
5. Bagaimanakah langkah terbaik untuk menangani krisis sumber semula jadi dunia terhadap alam sekitar?

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

Jawapan

BAHASA INGGERIS

Practice 1

Gardening gives us great pleasure. The cool and fresh air in the morning, the fragrance of the flowers and the humming of bees give me joy. Looking at the beauty of my garden itself is a big pleasure in my life.

Gardening keep you active and physically fit. It is also a great form of exercise. Gardening certainly requires physical effort such as digging and weeding. This helps me to keep fit and stay active. By working in the garden, I feel closer to the nature. I enjoy the sights and smells of the plants and flowers because they brings out positive feelings of vitality.

Being outside in the fresh air and sunshine is an effective way to boost your mood and relieve your stress too. There is nothing better than seeing the flower beds or plants bloom and grow as time passes.

Indeed, gardening is one of the most rewarding activity that makes me happy.

Practice 2

A frightening incident that I had experienced happened last year. I went on my first jungle hike. The first half an hour went as planned. We stopped to look at wild plants and insects. I learned a lot that day.

Suddenly, the few of us noticed that we were alone. The other hikers in front of the group had walked off. We tried to catch up with them but we couldn't find them. I was afraid because it was getting late.

We kept walking along the trail. After forty minutes, we finally met two hikers. I was very relieved. The hikers gave us directions to safety. We continued to walk for more than an hour. I was very glad when we finally got out of the jungle and was reunited with the others.

Practice 3

My favourite sport is badminton. My uncle introduced me to the sport when I was seven. I enjoy playing badminton because it is a sport that is both physically and mentally intensive.

Before we can start playing badminton, we will need an opponent to play against. We will also need badminton rackets, a shuttlecock and a net. Players will take turns hitting the shuttlecock over the net until one of them fails to receive it or the shuttlecock falls out of bounds. Points are given based on the game rules.


I usually play badminton in the evening after school with my friends. We play at a badminton court nearby. By playing badminton, keep both my body and mind healthy.

BAHASA MELAYU


- 1 B 2 A 3 B 4 D 5 C
- 6 C 7 A 8 C 9 A 10 B

MATEMATIK


1. (a) {2, 4, 6, 8}
- (b) {4, 16, 36, 64}
- (c) Satu kepada satu
2. (a) Luas segi empat sama adalah kuasa dua panjang sisi-sisinya
 $A = m^2$
- (b) Pemboleh ubah bersandar: Luas segi empat sama
 Pemboleh ubah tidak bersandar: Panjang sisi




4.




5.



6.



7.



REKA BENTUK & TEKNOLOGI

BAHAGIAN A

- 1 C 2 C 3 A 4 B 5 D

BAHAGIAN B

1. A. laporan bertulis
- B. penjaanaan idea
- C. penghasilan *mock-up* atau model
2. A. Perekodan oleh pereka bentuk untuk mencatatkan maklumat carian, kajan dan lakaran perkembangan idea sebagai bukti hasil rekaan menambahkan ketahanan dengan menukar kaki kerusi kepada saiz yang lebih besar
- B. Sebuah dokumen yang dikemukakan untuk mendapatkan permohonan paten.
- C. Sebarang bahan atau sumber rujukan untuk membuat inovasi dan R&D.
3. A. Tujuan penggunaan teknologi
- B. Fungsi teknologi
- C. Kekuatan dan kelemahan teknologi
4. A. B. C.

BAHAGIAN C

1. A. Pendokumentasian adalah menghasilkan satu laporan bertulis yang berkaitan dengan hasil ciptaan sesuatu produk. Ia menguraikan secara terperinci mengenai reka bentuk produk daripada peringkat penjaanaan idea sehingga ke peringkat penghasilan *mock-up* atau model.
- B. i. Pengenalan
- ii. Penentuan gabungan teknologi
- iii. Perancangan konsep
- iv. Lakaran akhir
- v. Jadual kerja
- vi. Pengurusan kewangan
- vii. Penghasilan produk
- viii. Pengujian dan penilaian
- ix. Cadangan penambahbaikan
- x. Penutup

PENDIDIKAN ISLAM

1. (i) Contoh lafaz niat solat sunat hajat 'Aku solat hajat dua rakaat kerana Allah Taala'
- (ii) 1. Untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.
2. Untuk menenangkan jiwa.
3. Untuk memohon sesuatu daripada Allah SWT.
4. Melatih diri sentiasa berharap kepada pertolongan Allah SWT sama ada ketika senang atau susah.
- (iii)

Bil.	Solat Hajat	Solat Tahajud
1	Boleh dilakukan pada waktu siang atau malam.	Dilakukan pada waktu malam sahaja.
2	Tidak perlu tidur sebelum menunaikannya.	Dilakukan selepas tidur walaupun sekejap.
3	Dilakukan untuk memohon sesuatu hajat kepada Allah SWT.	Dilakukan untuk beribadat kepada Allah SWT.

- (iv) 1. Mendekatkan diri seseorang hamba kepada Allah SWT.
2. Mengukuhkan keimanan terhadap sifat Allah SWT yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.
3. Memberi ketenangan jiwa kepada seseorang.
4. Tidak putus asa dengan takdir Allah SWT.
2. (i) Solat Aidilfitri ialah solat sunat dua rakaat yang dilakukan oleh umat Islam pada pagi 1 Syawal.
- (ii) 1. Menzahirkan kesyukuran dan meningkatkan keimanan.
2. Dapat mendengar nasihat dan peringatan daripada khutbah yang dibacakan.
3. Mengukuhkan perasaan kasih sayang serta dapat melahirkan masyarakat yang bersatu padu dan bertanggungjawab.
4. Menzahirkan syiar agama Islam dalam kalangan masyarakat berbilang bangsa dan agama.
- (iii) 1. Melahirkan kesyukuran kepada Allah SWT
2. Meninggikan syiar Islam
3. Mengingatkan kita tentang kebesaran Allah SWT.
4. Memantapkan semangat perjuangan umat Islam.
3. (i) Pengertian solat tahajud dari sudut bahasa ialah meninggalkan tidur, manakala menurut istilah iaitu solat sunat yang dilakukan setelah terjaga daripada tidur pada waktu malam walaupun tidur hanya sebentar.
- (ii) Waktu yang afdal menunaikan solat tahajud ialah sepertiga malam yang terakhir kira-kira pukul 3.00 pagi hingga terbit fajar.
- (iii) Maksud lafaz niat solat tahajud; "Aku solat sunat tahajud dua rakaat kerana Allah Taala".

Jawapan

4. (i) Solat sunat hajat ialah solat yang ditunaikan untuk memohon sesuatu hajat kepada Allah SWT sama ada ingin mendapat sesuatu kebaikan atau menolak sesuatu keburukan.
- (ii) 1. Tidak berputus asa melakukan solat sunat hajat
2. Meyakini bahawa Allah SWT tetap memberi pahala pada hari akhirat atas solat hajat yang dilakukan
3. Bertawakal kepada Allah SWT dan meyakini bahawa Allah SWT akan memakbulkan permohonan pada masa akan datang
4. Bertaubat kepada Allah SWT kerana mungkin permohonan tidak dimakbulkan akibat dosa yang dilakukan
- (iii) Perbezaan antara solat hajat dengan solat rawatib ialah:

Perkara	Solat Hajat	Solat Rawatib
Masa	Boleh dilakukan pada bila-bila masa kecuali waktu yang diharamkan	Dilakukan mengiringi solat fardu iaitu sebelum dan selepas solat fardu tertentu
Bilangan rakaat	Boleh dilakukan dua, empat atau dua belas rakaat	Dilakukan dua atau empat rakaat sahaja
Doa	Terdapat doa khusus yang ma'thur	Tidak terdapat doa khusus
Cara	Boleh dilakukan secara berjemaah	Hanya dilakukan secara bersendirian

5. (i) Hukum melakukan solat Aidilfitri adalah sunat muakad.
- (ii) 1. Bersarapan sebelum solat.
2. Membayar zakat fitrah serta membanyakkan amalan bersedekah.
3. Menghidupkan malam raya dengan ibadat seperti takbir, zikir, solat sunat tahajud dan membaca al-Quran.
4. Bermaafan dengan ibu bapa dan keluarga.

Perkara	Solat Aidilfitri	Solat Jumaat
Waktu	Dilaku pada waktu pagi 1 Syawal	Dilakukan pada waktu zuhur setiap hari jumaat
Hukum	Sunat kepada lelaki dan perempuan	Wajib kepada setiap lelaki mukallaf yang bermukim
Khutbah	Selepas solat	Sebelum solat
Tempat	Masjid, surau atau padang	Masjid atau surau yang telah ditetapkan
Bilangan jemaah	Boleh dilakukan sendirian atau berjemaah tanpa ditentukan bilangan	Wajib berjemaah sekurang-kurangnya 40 orang

6. (i) Hajat untuk mendapat sesuatu kebaikan di dunia
(ii) Hajat untuk mendapat sesuatu kebaikan ukhrawi.
(iii) Hajat untuk mendapat dijauhi daripada keburukan di dunia
(iv) Hajat untuk mendapat dijauhi daripada keburukan ukhrawi.
7. (i) Cemerlang dalam peperiksaan.
(ii) Dimurahkan rezeki
(iii) Memohon keharmonian masyarakat dan keamanan negara.
8. (i) Gagal dalam peperiksaan.
(ii) Wabak penyakit.
(iii) Kemelesetan ekonomi.
(iv) Pencerobohan musuh negara
9. (i) Bersyukur kepada Allah SWT dengan mengerjakan sujud syukur.
(ii) Menggunakan anugerah Allah SWT yang diperolehi untuk menambah amalan kebajikan
(iii) Bersikap merendah diri serta sentiasa memohon keampunan daripada Allah SWT.
10. (i) Mendidik jiwa bermunajat dan melahirkan rasa takut kepada Allah SWT
(ii) Dipermudahkan hisab dan senang melalui titian sirat.
(iii) Terhindar daripada kebinasaan dan gangguan syaitan.
(iv) Sentiasa mendapat pengawasan dan pemeliharaan Allah SWT.
11. (i) Menanam rasa kasih dan takut kepada Allah SWT yang sangat mendalam.
(ii) Makan atau minum tidak terlalu banyak terutamanya sebelum tidur.
(iii) Mengkaji dan menuntut ilmu untuk mengetahui kelebihan sentiasa melakukan solat sunat tahajud
12. (i) Muakad (ii) Aidilfitri (iii) Aidiladha (iv) Khutbah
13. (i) (H) (ii) (T) (iii) (T)

SEJARAH

Bahagian B

3. (a) F1 Perlombongan
F2 Pertanian komersial/perladangan. [2 markah]

- (b) F1 Memerlukan modal yang besar
F2 Penggunaan teknologi moden [Mana-mana x 1m]

- (c) F1 Tanah subur sesuai
F2 Hasil banyak
F3 Iklim sesuai
F4 untuk tanaman iaitu panas dan lembab sepanjang tahun
F5 Perkembangan teknologi
F6 seperti kapal korek/teknik torehan membolehkan pengeluaran besar-besaran [Mana-mana jawapan munasabah] [Mana-mana 3 x 1m]

- (d) F1 Penguasaan ekonomi British
F2 Tumpuan kepada perusahaan bijih timah dan getah
F3 Ekonomi tradisional terpinggir
F4 Tumpuan aktiviti di negeri-negeri pantai Barat [Mana-mana jawapan munasabah] [Mana-mana 3 x 1m]

2. (a) F1 Melicinkan urusan kewangan
F2 Menyalurkan modal daripada luar
F3 Mempercepat urusan kewangan
F4 Meningkatkan kepesatan ekonomi Tanah Melayu
F5 Mata wang kerajaan Melayu terhapus
F6 Memudahkan penduduk Tanah Melayu membuat urus niaga
F7 Taraf hidup orang Melayu semakin tertekan kerana kekurangan wang
F8 Berlaku kepesatan ekonomi
F9 Menggalakkan kemasukan pelabur asing [Mana-mana jawapan munasabah] [Mana-mana 4 x 1m]

- (c) F1 Melicinkan urusan kewangan
F2 Menyediakan pinjaman kepada pelabur
F3 Memajukan industri negara
F4 Pengenalan sistem kewangan moden yang berorientasikan kadar faedah yang tinggi
F5 Mempercepat kemasukan dana asing [Mana-mana jawapan munasabah] [Mana-mana 4 x 1m]

Bahagian C

1. (a) F1 Menjadikan getah tanaman komersial
F2 Kejatuhan harga kopi di pasaran dunia
F3 Menggalakkan kemasukan modal asing
F4 Syarikat perwakilan membuka ladang/menguruskan eksport
F5 Membenarkan pelabur Eropah seperti Guthrie, Sime Darby, United Plantations, Harissons and Crosfield dan Boustead Buttery Estate membuka ladang [Maksimum: 4 markah]

- (b) F1 Negara kita terlibat dengan jaringan ekonomi dunia
H1 Ekonomi tempatan dipengaruhi ekonomi dunia
F2 Pengeluar terbesar getah dunia
H2 nilai eksport mencecah lebih 50 juta pound pada tahun 1929
F3 Keperluan tenaga buruh meningkat
H3a buruh dari selatan India dibawa masuk
H3b mewujudkan masyarakat berbilang kaum
H3c mewujudkan persaingan dengan masyarakat peribumi
H3d penempatan berbeza mengikut kaum
H3e pendidikan vernakular Tamil diperkenalkan
F4 Ekonomi/Pertanian dagangan
H4a penanaman/perusahaan secara besar-besaran/ladang
H4b melibatkan pengeksporan produk [Mana-mana jawapan yang munasabah] [Maksimum: 4 markah]

- (c) i F1 Revolusi Perindustrian perkembangan industri di Britain/Eropah
F2 Sektor pembuatan berkembang
F3 Seperti barangan elektrik/kereta
F4 Getah perlu untuk bahan penebat/tayar kereta
F5 Memanfaatkan permintaan yang tinggi untuk meningkatkan keuntungan
F6 Harga tinggi
F7 Perkembangan sistem pengangkutan [Mana-mana jawapan munasabah] [Maksimum: 6 markah]

- ii F1 Sumber pendapatan negara
F2 Peluang pekerjaan
F3 Membekalkan bahan mentah untuk sektor perkilangan
F4 Menjadi bahan eksport
F5 Membantu sektor perindustrian/sektor pembuatan
F6 Mengekalkan kehijauan persekitaran
F7 Membekalkan kayu untuk industri berasaskan kayu [Mana-mana jawapan munasabah] [Maksimum: 6 markah]

2. (a) F1 Memenuhi keperluan ekonomi penjajah
F2 Mengawal hak milik tanah orang Melayu/bumiputera
F3 Memudahkan urusan pentadbiran seperti urusan cukai/pajakan sewa beli/penjualan/pembelian/cagaran
F4 Mengurangkan nilai komersial tanah milik peribumi
F5 Melindungi hak milik peribumi di Sarawak daripada diceroabah [Mana-mana jawapan munasabah] [Maksimum: 4 markah]

- (b) F1 Pada tahun 1913, Majlis Mesyuarat Persekutuan meluluskan Akta Tanah Simpanan Melayu
H1a menurut akta ini, Residen boleh mengisytiharkan mana-mana tanah dalam sesebuah negeri sebagai hak orang Melayu
H1b tanah tersebut tidak boleh dijual, dipajak, gadaai atau dipindah milik kepada orang bukan Melayu
F2 Land Order
H2a yang memperuntukkan hak milik tanah simpanan peribumi diwartakan pada tahun 1931
H2b matlamatnya adalah untuk melindungi kepentingan masyarakat peribumi daripada diceroabah oleh kaum pendatang yang membuka tanah untuk pertanian
F3 Pada tahun 1933 Land Settlement Order dikuatkuasakan
H3 untuk melindungi masyarakat peribumi
F4 Land Order 1948
H4a tanah Sarawak dibahagikan kepada kawasan tanah campuran,
H4b kawasan tanah peribumi
H4c kawasan tanah adat peribumi
H4d kawasan tanah simpanan [Maksimum: 4 markah]

- (c) i F1 Memperkenalkan hak pemilikan tanah yang sistematik
F2 Mengelakkan campur tangan asing/orang luar
F3 Mengelakkan jual beli/pajakan/gadaian tanah kepada orang luar
F4 Memperkenalkan Tanah simpanan Melayu
F5 Imigran tidak mempunyai hak dalam pemilikan tanah di Tanah Melayu/Sabah/Sarawak
F6 Penduduk tempatan sahaja yang mempunyai hak terhadap tanah [Mana-mana jawapan munasabah] [Maksimum: 6 markah]

- ii Bersetuju
F1 Tradisi orang Melayu dapat dikekalkan
F2 Orang Melayu masih memiliki tanah di kampung sehingga hari ini
F3 Menyelamatkan tanah di kawasan tersebut daripada dijual/dipajak gadaai
F4 Sistem perladangan dapat dilaksanakan
F5 Kampung Melayu berkembang menjadi kawasan perumahan khas untuk orang Melayu
F6 Tanah dapat diwakafkan kepada generasi akan datang
F7 Menjadi warisan orang Melayu ATAU Tidak setuju [Mana-mana jawapan yang munasabah] [Maksimum: 6 markah]

SAINS

1. B 2. B 3. A 4. D 5. A
6. (a) Q corona / korona, R. chromosphere / kromosfera
(b) S, Q
7. (a) P (iii) Q (ii) R (i)

GEOGRAFI

1.

Sumber	Negara
Angin	Belanda
Gas asli	Amerika Syarikat
Air	China
Arang batu	Rusia
Geoterma	Iceland

2. i Rusia ii Arab Saudi iii. Malaysia iv Iran v Qatar
3. i. Ekonomi ii Politik iii Masyarakat iv Alam sekitar
4. i. Peningkatan kadar kemiskinan
ii. Peningkatan kadar kebuluran
iii. Masalah sosial
5. i. Meningkatkan usaha pemuliharaan dan pemeliharaan
ii. Menghadkan kawasan penerokaan
iii. Menguatkuasakan undang-undang yang lebih ketat
iv. Meningkatkan kadar denda